

UCAPAN ALUAN



**YANG BERBAHAGIAN TUAN HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD,
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI**

Bagi Tujuan:

'SEMINAR ON EMERGENCE OF FUTURE CITIES'

**SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR
SEDUNIA DAN KENAIKAN TARAF MAJLIS BANDARAYA
ISKANDAR PUTERI**

Tarikh:

27 November 2017 (Isnin)

Masa:

9.10 – 9.20 Pagi (10 minit)

Tempat:

**Phoenix Hotel, Forest City,
Johor Bahru.**

Bismillahirrahmanirrahim.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum, Salam Sejahtera.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday,
Wakil rasmi kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Johor,

Yang Berhormat Dato' Haji Azmi Bin Rohani,
Setiausaha Kerajaan Johor,

Yang Dihormati Tuan Haji Salehuddin bin Haji Hassan,
Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan),

Yang Dihormati Tuan Haji Mohd Khir Johari bin Salleh,
Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan,

Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin Ali Hassan
Pengerusi, Pertubuhan Perancang Malaysia, Cawangan Selatan;

Para Pembentang Kertas Kerja;

Ketua-ketua jabatan Persekutuan dan Negeri;

Ahli-ahli Majlis, Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri;

YBhg. Datuk Seri, Dato', Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan para peserta Seminar yang saya hormati sekalian.

Kata Aluan

1. **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri** merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang telah berusia 64 tahun. Sejarah awalnya bermula daripada 8 buah Majlis Tempatan yang ditubuhkan di bawah Ordinan Pilihan Raya bermula tahun 1953 sehingga disatukan menjadi sebuah Majlis Daerah pada tahun 1978, dan dinaik taraf ke Majlis Perbandaran pada tahun 2000.
2. Penempatan yang jatuh di bawah pentadbirannya ada yang berasas daripada penempatan kecil buruh dan kuli semasa era pentadbiran Sistem Kangchu seperti Sekudai, Kangkar Pulai; penempatan yang dibentuk semasa Darurat di Tanah Melayu iaitu Lima Kedai; taman perumahan terancang yang dibangunkan pada tahun 1980-an dan juga bandar moden yang seperti tuan-tuan dan puan-puan telah maklum, Bandar Medini Iskandar, Pengkalan Puteri (Puteri Harbour), Forest City.
3. Kini, kawasan pentadbirannya telah berkembang pesat sehingga Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah ke hadapan untuk menaik tarafnya menjadi sebuah Bandaraya supaya ianya dapat menyusun semula sumber dan strategi yang ada bagi memberi perkhidmatan yang bertaraf bandar raya kepada warga kotanya.
4. **Bandar Iskandar Puteri**, iaitu nama yang dimasyhurkan oleh Temenggong Daeng Ibrahim Iskandar untuk Pusat Pentadbiran

Negeri Johor yang dipindahkan dari Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1950 an. Beliau telah mendarat di Tanjung Puteri dan membangunkan sebuah gedung di atas Bukit Timbalan. Beliau menggabungkan nama beliau Iskandar dengan nama asal tempat, iaitu Tanjung Puteri. Walau bagaimanapun, nama Iskandar Puteri tidak lagi digunakan dan ditukar nama kota negeri kepada Johor Bahru pada tahun 1866.

5. Dengan perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, nama 'Iskandar Puteri' telah dikurniakan kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah untuk digunakan oleh kami setelah Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah berjaya dinaik taraf ke taraf Majlis Bandaraya.

6. Perkenan diberi oleh Tuanku untuk kami menggunakan nama tersebut kerana Tuanku menyedari Bandar Iskandar Puteri merupakan suatu bandar baru, ia amat memerlukan unsur sejarah dalam memacukan pembangunan. Persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan Daerah Johor Bahru yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016 telah memacu Iskandar Puteri sebagai pusat bandar moden dalam Negeri Johor. Penggunaan nama Iskandar Puteri oleh MPJBT selaku pentadbir bandar melambangkan jiwa baru dalam sejarah pemodenan Negeri Johor.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

7. Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri adalah sebuah kawasan yang paling pesat dibangunkan antara 5 buah koridor ekonomi yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 2010. Ia terletak di bahagian barat, Daerah Johor Bahru. Bahagian ini mempunyai sempadan maritim di Selat Johor dengan kedudukan Pulau Merambong di bahagian selatan yang merupakan sebahagian daripada sempadan antarabangsa yang memisahkan di antara Republik Singapura dengan Malaysia.

8. Dengan keluasan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri seluas 40,210 hektar, ia merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai ketersampaian yang tertinggi dalam Negeri Johor kerana ia dapat dicapai melalui 6 akses dari Lebuhraya Utara Selatan dan Laluan Link Kedua. Selain itu, ia juga dilengkapi dengan 2 *gateway* antarabangsa, iaitu Laluan Link Kedua dan Terminal Feri Puteri Harbour.

9. Kota Iskandar yang merupakan pusat pentadbiran negeri Johor adalah mercu tanda yang terunggul di dalam kawasan Iskandar Puteri. Ia bakal menawarkan ruang pejabat korporat bertaraf A di dalam Bandar Medini Iskandar dan Pengkalan Puteri di samping terdapat kemudahan studio produksi media yang bertaraf dunia, Pinewood Iskandar Studio yang memacu kemajuan industri kreatif bagi negara.

10. Pelbagai industri antarabangsa, syarikat bersaiz sederhana dan kecil yang diketahui umum juga bertapak di sini seperti pembuat insulin terbesar di dunia, Biocon, Tong Garden – pengeluar makan ringan, Stabilo- pengeluar alat tulis, Seagate – syarikat pembuat cakera keras, Ciba Vision- peneraju global dalam penyelidikan dan pembuatan kanta lekap, Wolkswagen Group Regional Part Distribution Center juga sedang dibina dalam kawasan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Ke semua pelabur telah percaya ke atas potensi kawasan ini.

11. Selain itu, kawasan pentadbiran MBIP juga dibangunkan sebagai sebuah destinasi keluarga yang paling banyak dikunjungi di Johor dengan terdapatnya 3 taman tema – Legoland Malaysia, Hello Kitty Indoor Them Park dan Little Big Club. Ia juga dilengkapi dengan kawasan riadah untuk komuniti seperti Hutan Bandar Mutiara Rini, Taman Sireh yang seluas 344.51 ekar yang merupakan taman berskala wilayah untuk menampung keperluan penduduk Bandar Iskandar Puteri.

12. Ianya juga merupakan bandar akademik serantau dengan terletaknya universiti awam terkemuka negara, Universiti Teknologi Malaysia yang merupakan universiti muda berkedudukan ke 63 di Asia dalam Penarafan QS tahun 2017/2018, Raffles Univeristy Iskandar, Newcastle Univeristy Medicine Malaysia, Univeristy of Reading Management Development Institute of Singapore , Raffles America School dan banyak lagi.

13. Walaupun banyak pembangunan ikonik telah berlaku di dalam kawasan seluas 40,210 hektar ini, 42% tanah dalam MBIP masih merupakan bank tanah yang sesuai tetapi belum dibangunkan. Kami amat mengalu-alukan pembangunan yang dapat menawarkan kehidupan yang lebih baik kepada warga kota.

Hasrat Kerajaan dan Cita-cita kami

Yang Berbahagia Dato'-dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

14. Seperti yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sempena Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah Datuk Bandar pada 23 November yang lalu, Kerajaan Negeri adalah yakin ke atas potensi dan peluang yang ada pada bandar baru ini. Pembangunan di sini perlu menjadi model baharu yang paling dinamik di rantau ini sejajar dengan perkhidmatan perbandaran yang ke hadapan dalam dan boleh menjadi teladan kepada Majlis lain.

15. Anggota Majlis perlu mereformasi mentaliti dan budaya kerja mereka dalam menyampaikan perkhidmatan yang paling berkesan. Tenaga kerja Majlis perlu rajin, mahir, berintegriti dan ikhlas bekerja.

16. Sebagai Datuk Bandar, saya menjanji perkhidmatan yang bakal diberikan oleh seluruh warga kerja Majlis dan pembekal perkhidmatan yang lain akan menepati tanda aras dan amalan

terbaik antarabangsa. Mereka akan menguasai bahasa Inggeris dengan baik, bermaklumat dan mengetahui dengan mendalam terhadap tugas mereka.

17. Kami juga akan menyahut cabaran untuk menjadi sebuah institusi pintar dan memperkasakan budaya tadbir secara digital. Antara inisiatif kami adalah menggunakan web base portal untuk perkongsian data maklumat guna tanah, cukai dan lesen antara jabatan. Ini dapat memperkemas peraturan pejabat supaya kakitangan kami dapat menyiapkan kerja dengan lebih mudah dan pelanggan kami mendapat outcome yang diinginkan. Tindakan Majlis ini adalah sejajar dengan halatuju Kerajaan Negeri dalam bajet Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2018 di bawah penyediaa prasarana terbaik untuk semua dan meningkatkan jangkaan dan tuntutan rakyat.

18. Saya akan terus komited untuk melaksanakan dan menjadikan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri satu suasana kehidupan yang berkualiti dengan memelihara keseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar sementara menuju ke arah menjadi sebuah bandaraya yang maju dan sejahtera.

Yang Berbahagia Dato'-dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

Mengenai Seminar Hari ini

19. Seminar pada hari ini adalah inisiatif Majlis Bandaraya untuk berkomunikasi dengan agen-agen pembangunan dalam negara di samping mendapatkan pandangan dari pakar ke atas prospek dan cabaran yang bakal dihadapi oleh Bandar Iskandar Puteri serta lain-lain Bandar di Malaysia untuk menjadi bandar masa depan yang ideal.

20. Ia adalah hasil kerjasama dengan pihak Pertubuhan Perancang Malaysia Cawangan Selatan dan pihak Country Garden Pacificview Sdn. Bhd, pemaju untuk Forest City sebagai penaja utama yang menyediakan fasiliti pada hari ini.

21. Kesemua ini harus diberi penghargaan kerana selaku pihak berkuasa tempatan, kami memupuk ke atas kerjasama yang erat antara NGO dan badan korporat yang berada di dalam pentadbiran kami. Saya pohon hadirin sekalian memberi satu tepukan kepada pasukan urusetia.

22. Tambahan lagi, tempat yang kita berada pada hari ini sememangnya direka bentuk dengan falsafah untuk menjadi *role model* yang terunggul. Anda semua haruslah mengambil peluang untuk mengunjung ke Galeri Jualan dia, mendengar taklimat ke atas teknologi pembinaan yang digunakan dan bagaimana pemaju Forest City menterjemahkan konsepnya yang bangunan dikelilingi oleh kehijauan dan pengasingan kenderaan bermotor di aras tanah untuk menawarkan ruang kepada pejalan kaki dan tumbuh-tumbuhan.

23. Seminar pada hari ini akan melibatkan pembentangan tiga kertas kerja dan satu sesi lawatan teknikal. Dijangka program ini dihadiri oleh seramai 200 peserta yang terdiri daripada pemaju dan pelabur hartanah, perunding professional, pegawai agensi kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan dari seluruh negara.

24. Dengan pengistiharan status bandar raya ini, MBIP tidak lagi menoleh ke belakang. Warga kota akan berazam untuk melihat wajah bandar raya yang pesat ini berubah dengan pelbagai projek berimpak tinggi yang sedang berjalan seperti stesen Iskandar Puteri sebagai stesen terakhir untuk *High Speed Rail* di Semenanjung Malaysia , stadium baharu pasukan Harimau Selatan dan Fastrack Iskandar – iaitu hab bersepadu industri automobil.

25. Di sini, saya berkongsi satu mutiara kata dari penulis buku *The Death and Life of Great American Cities*, Miss Jane Jacobs. '*Cities have the capability of providing something for everybody, only because, and only when, they are created by everybody.*'

26. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri di atas kepercayaan seterusnya melantik saya sebagai Datuk Bandar yang pertama, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Beri saya ruang, mandat dan kepercayaan untuk merencanakan transformasi, gagasan dan

idea baharu bagi merealisasikan Bandaraya Iskandar Puteri sebagai Bandaraya Maju Dan Sejahtera,

Wabilah Hi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum W.B.T.